

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP
BERSEMPENA DENGAN PROGRAM OUTREACH PELAJAR
MELALUI KAUNSELOR KAWASAN UTARA PADA 19 APRIL
2007 DI DEWAN KAPITOL

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Yang diraikan Para Kaunselor Kawasan Utara Tanahair,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil media
dan Warga kerja UniMAP yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang Maha Pemurah kerana memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua berhimpun dan bertemu dalam majlis pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para kaunselor kawasan Utara seramai 170 orang ke Universiti Malaysia Perlis. Adalah menjadi harapan saya agar pertemuan pada pagi ini akan merintis kepada suatu perhubungan yang lebih erat di masa akan datang.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada pagi ini.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah ditubuhkan sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam yang ke-17 setelah ia diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai 2001. Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi pelan perindustrian negara selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal. UniMAP beroperasi di serata lokasi di negeri Perlis ini. Konsep kampus yang bersifat bertaburan atau ‘distributed campus’ ini

mungkin masih baru di Malaysia tetapi ia telah lama dipraktikkan di universiti terkenal luar negara seperti di Universiti Cambridge, England. Konsep sebegini memberi kelebihan kepada para pelajar untuk lebih berinteraksi dengan penduduk setempat selain mendedahkan mereka kepada persekitaran dan isu-isu domestik dan juga memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat.

Pembelajaran yang dilaksanakan di UniMAP adalah secara 'lab intensive' yang memberi lebih penekanan kepada amali dan kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dan amali mengikut keperluan industri. Pelajar UniMAP telah dibiasakan dengan segala peralatan seperti mana yang terdapat di industri sejak tahun pertama pengajian lagi. UniMAP turut membekalkan para pelajarnya dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah atau lebih tepat disebut " softskill". Maka tidak dapat tidak, keunikan sistem pembelajaran yang dijalankan di universiti ini yang menggunakan sistem 'fachhochshule' dari Jerman bukan sahaja mampu menghasilkan kualiti graduan yang tinggi malah memenuhi keperluan serta pasaran gunatenaga pekerja berkemahiran tinggi di industri.

Justeru saya berharap dengan adanya program sebegini para kaunselor dapat menambah informasi mengenai bidang kejuruteraan yang ditawarkan di universiti ini. Kerana saya percaya bahawa kaunselor adalah nadi utama yang menjadi agen penyampai maklumat kepada para pelajar di sekolah mengenai program-program yang ditawarkan di sesbuah universiti. Malah kaunselor merupakan penyalur maklumat yang tepat dan mampu menyampaikan mesej dengan cara yang tersendiri tetapi berkesan di samping membantu para pelajar mengenalpasti keperluannya agar pelajar dapat membuat rancangan yang realistik dalam kehidupannya. Hal ini kerana para pelajar merupakan *the engine of growth* masa depan negara. Jelaslah bahawa kita mempunyai tugas dan agenda yang cukup berat untuk memberi sumbangan dan komitmen kepada pembangunan tamadun masyarakat madani.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama merealisasikan aspirasi negara iaitu bukan sekadar mahu melahirkan graduan yang cemerlang di dalam akademik sahaja. Sebaliknya ingin melahirkan graduan yang bersepadu iaitu mereka yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan mempunyai personaliti unggul, berketrampilan, mempunyai akar umbi serta jatidiri bangsa Malaysia yang mantap, berdisiplin dan menjadi contoh dan 'role' model kepada keluarga, masyarakat dan negara. Ini sejajar dengan

pengisian oleh kementerian pengajian tinggi menjurus kepada keperluan pembangunan RMK-9 dalam sistem pengajian di peringkat universiti.

Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim dengan ini saya merasmikan “Penutupan Program Outreach Pelajar Melalui Kaunselor Kawasan utara. Sekian, Terima kasih